



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,  
Aras 18, Blok C,  
Ibu Pejabat  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,  
No. 2, Lebuhraya Wawasan, Presint 7,  
62250 Putrajaya.**

Tel. : **03-8870 0015**  
Faks : **03-8888 9528**  
E-mel : [komunikasi@sprm.gov.my](mailto:komunikasi@sprm.gov.my)  
Web : [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)  
Twitter : [twitter.com/SPRMMalaysia](https://twitter.com/SPRMMalaysia)  
Facebook: [facebook.com/sprm.benci.rasuah](https://facebook.com/sprm.benci.rasuah)  
Youtube : [www.youtube.com/odvmacc](http://www.youtube.com/odvmacc)

# **KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**

## **ISU TRANSAKSI DAN AKAUN BANK MENTERI KANAN**

SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menerima pelbagai pertanyaan daripada pihak media serta orang ramai berkaitan laporan yang dibuat oleh Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Lokman Adam baru-baru ini iaitu tentang transaksi meragukan oleh sebuah syarikat pembinaan ke akaun bank peribadi milik menteri kanan yang sebenarnya merujuk kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Mohamed Azmin Ali.

Selain itu, Datuk Lokman juga mendakwa terdapat kewujudan sebuah akaun di luar negara pada 2012 milik menteri berkenaan.

SPRM telah menjalankan siasatan dan mendapati tidak wujud transaksi yang dinyatakan dan tiada kewujudan akaun yang berkaitan.

Selain itu, SPRM turut menyiasat berkaitan tohmahan terhadap Mohamed Azmin Ali yang bertajuk "*Here is the proof Azmin Ali is toyol of Selangor*" yang mana satu laporan pernah diterima pada Ogos 2018.

Berhubung dengan isu ini, siasatan tersebut telah dijalankan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia serta institusi kewangan lain dan mendapati tohmahan yang dibangkitkan ini adalah tidak benar.

Diharap kenyataan ini akan dapat memberi pencerahan kepada orang ramai.

**DATUK SERI AZAM BAKI  
TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA (OPERASI)  
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

**28 JUN 2019**